

02/01/2001

Projek penswastaan tidak rugikan pekerja

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi jaminannya bahawa projek penswastaan kerajaan tidak akan merugikan pekerja, sebaliknya golongan itu akan menikmati pendapatan yang lebih.

Perdana Menteri berkata, ini kerana kerajaan mengenakan syarat melarang kakitangan terbabit diberhentikan, kecuali meletak jawatan atas pilihan sendiri.

"Kita akan jaga. Kerajaan tidak pernah mengecewakan pekerjanya. Sebab itu apabila kita membuat penswastaan, satu daripada syaratnya ialah pekerja tidak boleh digugurkan melainkan mereka sendiri pilih untuk berhenti.

"Kita tidak akan menggugurkan mereka, bahkan pendapatan mereka akan bertambah selepas penswastaan itu," katanya dalam sidang akhbar pada Majlis Rumah Terbuka Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) sempena Tahun Baru 2001 di sini, hari ini.

Dr Mahathir memberi jaminan itu ketika diminta mengulas mengenai nasib kakitangan Penerbangan Malaysia (MAS) selepas diambil alih oleh kerajaan.

Pada 20 Disember lalu, kerajaan mengumumkan pembelian 29.9 peratus ekuiti yang dimiliki Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli, menerusi Naluri Bhd pada harga tunai RM8 sesaham atau RM1.792 bilion.

Perdana Menteri berkata, kepentingan pekerja tetap dijaga kerana golongan itu menjadi aset paling berharga dalam kemajuan dan perkembangan negara.

"Kita selalu jaga kepentingan pekerja kita bukan seperti sesetengah negara lain, apabila mereka swastakan sesuatu, langkah pertama yang diambil oleh syarikat yang mengambil alih itu ialah menggugurkan pekerja supaya mereka dapat menyelamatkan wang.

"Kita tak pernah menggugurkan pekerja kita seperti Telekom, bahkan pekerja sendiri yang meminta kita menswastakannya. Contohnya di Pelabuhan Klang, pekerja meminta kerajaan menswastakan perkhidmatan kontena," katanya.

Mengenai pengganti Tajudin, beliau berkata: "Saya tidak tahu apa-apa pun. Ini semua diuruskan oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin."

Ditanya mengenai Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) pula, beliau berkata, kerajaan terpaksa mengambil alih pengurusan LRT untuk menyusun semula struktur pentadbirannya berikutan syarikat yang menguruskan pengangkutan awam berkenaan sebelum ini tidak mendapat sebarang keuntungan.

"Sekarang kerajaan sudah memberi bantuan kepada syarikat dengan memindahkan saham secara murah kepada mereka. Namun demikian, mereka masih tidak mendapat sebarang keuntungan.

"Cuma ada dua cara untuk mengatasinya, iaitu satu ialah menaikkan harga tambang LRT yang mana ini akan menyebabkan tentangan daripada parti lawan.

"Kita nak semua hak orang murah, tapi hak kita, kita nak mahal. Saya sanggup memindahkan pentadbiran LRT kepada parti lawan supaya DAP terutamanya boleh mengurangkan tambang dan membayar semua perbelanjaannya," katanya.

Pada 22 Disember lalu, kerajaan mengumumkan pembelian aset milik dua syarikat pengangkutan awam, iaitu Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR) dan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA) menerusi terbitan bon bersiri 5 berjumlah RM6 bilion.

Terbitan bon selama 15 tahun dengan kadar kupon antara 5.6 hingga 7.2

peratus itu kemudiannya akan digunakan oleh pengendali LRT terbabit untuk membayar hutang komersial mereka.

Sektor pengangkutan awam perlu penyusunan semula bagi menjamin perkhidmatan yang lebih cekap, moden dan menyeluruh.

(END)